



اَوْنِوَرَسِيْتِي تِي كُونُو كِي مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SELANGOR**

**KAMPUS PUNCAK PERDANA SHAH ALAM**

**BACHELOR OF INFORMATION SCIENCE (HONS) RECORDS MANAGEMENT**

**IMR 604**

**IMR604: ORAL DOCUMENTATION**

---

**TAJUK: ASPIRASI PELAKON WANITA ALAF BARU DARI PERSPEKTIF FATIMAH  
ABU BAKAR**

---

**DISEDIAKAN OLEH:**

**SULIKA LAMBAN CHRISTOPHER LEECHEN (2020987645)**

**PUTERI IZZATY BINTI ZOLKEPELI (2020978463)**

**FITRI BALQIS AKMA BINTI MOHD ASRI (2020950799)**

**PENSYARAH:**

**ENCIK JAFALIZAN BIN MD JALI**

**TARIKH:**

**24 JUN 2022**

## TABLE OF CONTENT

CONTENTS	PAGES
1.0 PENGENALAN	4
2.0 PENDAHULUAN	5
3.0 LATAR BELAKANG KAJIAN	6
4.0 PERMASALAHAN KAJIAN	6
5.0 OBJEKTIF KAJIAN	7
6.0 PERSOALAN KAJIAN	7
7.0 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN	8
8.0 TINJAUAN LITERATUR	8
9.0 METODOLOGI	11
9.1 PENDEKATAN KAJIAN	

11. PROSEDUR PENGUMPULAN DATA	12
10.0 HASIL KAJIAN	13
12.0 NASIHAT DAN HARAPAN	20
13.0 KESIMPULAN	21
14.0 RUJUKAN	

## **ABSTRAK**

Industri kreatif adalah sektor yang sedang berkembang maju di Malaysia. Sehingga 31 Mac 2019, terdapat 345 syarikat berstatus MSC Malaysia di bawah kluster kandungan kreatif dan teknologi daripada jumlah keseluruhan 2,986 syarikat berstatus MSC Malaysia yang aktif. Artikel ini membincangkan industri seni serta perspektif seni itu sendiri melalui seniwati Fatimah Abu Bakar. Artikel ini juga merungkai maksud-maksud serta peranan seorang pelakon melalui takrifan yang telah diberikan oleh seniwati Fatimah Abu Bakar. Selain itu, artikel ini juga membicarakan isu-isu tentang wanita dalam industri perfileman serta bagaimana cara-cara untuk mengatasi masalah tersebut. Isu-isu dalam industri seni serta dilemma yang dihadapi oleh penggiat seni juga dibincangkan dalam artikel tersebut.

Kata kunci: industri seni, Fatimah Abu Bakar, pelakon, seniwati.

## 1.0 PENGENALAN

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Ketiga, (1997) seni membawa maksud karya termasuk sajak, lukisan, muzik dan lain-lain yang dicipta dengan bakat atau kecekapan, dan hasil daripada sesuatu ciptaan. Menurut Drs. Sidi Gazalda pula, seni ditafsirkan sebagai penciptaan bentuk-bentuk yang mengandungi nilai-nilai estetika bersepadu dengan nilai estetika Islam. Seterusnya, kesenian Islam turut menyatakan seni merupakan suatu unsur keindahan yang mampu menjadikan manusia terpesona apabila melihat ataupun mendengarnya.

Sejarah lisan ialah kaedah menjalankan penyelidikan sejarah melalui temu bual yang direkodkan antara penemubual dan tokoh. Temu bual ini akan merekodkan pengalaman peribadi tentang peristiwa penting dari segi sejarah sepanjang profession tokoh yang telah dipilih. Tujuan pendokumentasian lisan ini juga adalah untuk menambah maklumat atau sejarah kepada pengetahuan sedia ada. Pendokumentasi lisan juga merekodkan ulasan peribadi serta mencerminkan pendapat peribadi seseorang tokoh kerana temu bual ini merupakan salah satu sumber utama untuk mendapatkan maklumat dan pandangan seseorang tokoh. Selain itu, pendokumentasian lisan boleh digunakan bersama-sama dengan sumber primer lain serta sumber sekunder untuk mendapatkan pemahaman dan pandangan tentang sejarah (Sejarah Lisan, 2022).

Hasil perolehan daripada temu bual ini boleh digunakan untuk penulisan akademik dan lain-lain. Pendokumentasian lisan ini penting bagi memelihara sejarah sedia ada. Rekod-rekod yang diperolehi ini amatlah penting untuk dipelihara kerana ia akan digunakan oleh generasi akan datang. Donald A. Ritchie pernah menyatakan bahawa ringkasnya, sejarah lisan mengumpul kenangan lisan dan ulasan peribadi tentang kepentingan sejarah melalui temu bual yang dirakam (ETHW, 2022).

## 2.0 PENDAHULUAN

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Ketiga, (1997) seni membawa maksud karya termasuk sajak, lukisan, muzik dan lain-lain yang dicipta dengan bakat atau kecekapan, dan hasil daripada sesuatu ciptaan. Menurut Drs. Sidi Gazalda pula, seni ditafsirkan sebagai penciptaan bentuk-bentuk yang mengandungi nilai-nilai estetika bersepadu dengan nilai estetika Islam. Seterusnya, kesenian Islam turut menyatakan seni merupakan suatu unsur keindahan yang mampu menjadikan manusia terpesona apabila melihat ataupun mendengarnya.

Sejarah lisan ialah kaedah menjalankan penyelidikan sejarah melalui temu bual yang direkodkan antara penemubual dan tokoh. Temu bual ini akan merekodkan pengalaman peribadi tentang peristiwa penting dari segi sejarah sepanjang profession tokoh yang telah dipilih. Tujuan pendokumentasian lisan ini juga adalah untuk menambah maklumat atau sejarah kepada pengetahuan sedia ada. Pendokumentasi lisan juga merekodkan ulasan peribadi serta mencerminkan pendapat peribadi seseorang tokoh kerana temu bual ini merupakan salah satu sumber utama untuk mendapatkan maklumat dan pandangan seseorang tokoh. Selain itu, pendokumentasian lisan boleh digunakan bersama-sama dengan sumber primer lain serta sumber sekunder untuk mendapatkan pemahaman dan pandangan tentang sejarah (Sejarah Lisan, 2022).

Hasil perolehan daripada temu bual ini boleh digunakan untuk penulisan akademik dan lain-lain. Pendokumentasian lisan ini penting bagi memelihara sejarah sedia ada. Rekod-rekod yang diperolehi ini amatlah penting untuk dipelihara kerana ia akan digunakan oleh generasi akan datang. Donald A. Ritchie pernah menyatakan bahawa ringkasnya, sejarah lisan mengumpul kenangan lisan dan ulasan peribadi tentang kepentingan sejarah melalui temu bual yang dirakam (ETHW, 2022).

### **3.0 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Tujuan penyelidikan ini dijalankan adalah untuk mendapatkan maklumat dan informasi berkaitan seniman veteran yang dipilih. Kajian ini juga dilaksanakan bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang jarang didapati melalui enjin carian seperti Google, Bing, Perpustakaan dan Arkib serta bagi mendapatkan kesahihan maklumat yang terdapat di internet berkenaan seniman veteran yang dipilih. Kajian ini akan dijalankan bersama dengan seniman veteran yang mempunyai pengalaman luas dalam industri seni tanah air dengan tujuan untuk melengkapkan maklumat-maklumat yang sedia ada di internet, perpustakaan serta arkib, juga bagi mendapatkan kesahihan maklumat tersebut serta menambah maklumat mengenai seniman veteran tersebut. Maklumat-maklumat yang diperolehi daripada temu bual bersama seniman veteran yang dipilih ini akan digunakan sebagai panduan dan rujukan generasi akan datang bagi melengkapkan kajian yang dijalankan ini.

### **4.0 PERMASALAHAN KAJIAN**

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat telah menyediakan dua jenis definisi yang berbeza namun memperlihatkan kepada konteks yang serupa. Walau bagaimanapun, definisi yang lebih cocok dengan fokus utama kajian ini adalah seniman dapat didefinisikan sebagai bintang filem yang telah lama melibatkan diri dalam perfileman dan telah mencapai pada sesuatu tahap yang tertentu. Seniman veteran yang berumur 50 tahun ke atas, merupakan fokus yang diketengahkan di dalam penyelidikan yang ditugaskan oleh pensyarah kali ini.

Seterusnya, penyelidik telah menghadapi kesukaran dalam mendapatkan maklumat tentang seniman pilihan semasa penyelidikan menerusi enjin carian Google dan media sosial. Hal ini dikatakan demikian kerana maklumat yang terdapat di rangkaian Internet adalah sangat terhad dan sukar untuk memastikan kesahihannya dan barangkali perkara ini terjadi kerana tidak besar jumlahnya yang membuat kajian tentang seniman terutamanya golongan veteran. Maklumat- maklumat tentang tokoh tersebut adalah sangat terhad terutamanya

dari segi sejarah yang lebih mendalam tentang tokoh tersebut. Oleh itu, dengan ketiadaan maklumat tentang sejarah tokoh tersebut, hal ini bakal menyebabkan generasi akan datang tidak mempunyai maklumat tentang tokoh tersebut dan latar belakang tokoh tersebut mungkin dilupakan dan tidak dikenali oleh umum pada masa akan datang. Hal ini berlaku adalah kerana tidak mempunyai sebarang sumber yang boleh dirujuk untuk mengenali tokoh tersebut. Bukan itu sahaja, dengan ketiadaan dan kekurangan maklumat berkenaan tokoh tersebut, hak cipta seseorang tokoh seperti anugerah, karya dan sebagainya mudah dituntut oleh individu dari sesetengah pihak secara sambalewa sekiranya maklumat adalah terhad dan tidak lengkap. Tambahan pula, maklumat yang terdapat di rangkaian Internet kebanyakannya cuma gosip-gosip yang bervariasi versinya semata-mata dan bukan pada bakat serta kejayaan mereka.

## **5.0 OBJEKTIF KAJIAN**

1. Mengenalpasti maklumat asli dan sahih yang diperolehi daripada tokoh pilihan melalui temu bual yang akan dijalankan.
2. Mendokumenkan sejarah secara lisan dan mengarkibkan maklumat mengenai pengalaman, biografi serta maklumat tambahan tentang tokoh sepanjang berkecimpung dalam industri seni.

## **6.0 PERSOALAN KAJIAN**

1. Adakah maklumat yang diperolehi daripada temubual bersama tokoh pilihan adalah sepadan dan sahih dengan maklumat yang terdapat di rangkaian internet ?
2. Adakah sejarah secara lisan yang akan di arkib dapat membantu dari segi akademik secara umumnya dan industri seni secara khususnya ?



## **7.0 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN**

Kepentingan kajian ini dapat dilihat melalui pelbagai aspek. Hasil kajian ini memaparkan pelbagai faedah yang diperolehi atau sumbangan kajian ini dalam beberapa perkara. Kajian yang dijalankan ini memberi faedah secara khususnya kepada masyarakat di Malaysia. Faedah yang diperolehi daripada hasil kajian adalah dari segi penambahan maklumat sedia ada tentang seniman yang dipilih dalam kajian ini. Maklumat yang diperolehi melalui temubual bersama seniman ini sedikit sebanyak membantu dalam meningkatkan pengetahuan tentang industri seni di Malaysia secara lebih mendalam. Secara umumnya, kajian ini dilihat menyumbang kepada masyarakat di dalam konteks seperti membuka ruang dan peluang untuk lebih mengenali secara mendalam para seniman di Malaysia dengan mengetahui dengan lebih lanjut tentang latar belakang seniman tersebut dan karier beliau sepanjang penglibatan dalam industri seni.

Melalui kajian ini juga, ia turut menyumbang dalam memperkembangkan ilmu tentang industri seni iaitu secara khususnya tentang seniman yang melibatkan diri dalam industri seni di Malaysia ini. Terdapat pelbagai maklumat atau perkara yang mungkin tidak diketahui umum. Oleh itu, dengan kajian ini ia dapat membantu dalam meluaskan pengetahuan tentang industri seni di Malaysia terutamanya maklumat berkenaan seniman yang menyumbang bakat dalam industri seni di Malaysia.

## **8.0 TINJAUAN LITERATUR**

Persatuan Artis Veteran Malaysia merupakan sebuah persatuan ditubuhkan untuk menjaga kebajikan seniman veteran Malaysia. Persatuan ini terletak di Taman Sri Cheras Jaya, Selangor. Pada beberapa tahun yang lepas, timbul isu-isu mengenai kadar bayaran terhadap seniman veteran terlalu rendah. Oleh hal yang demikian, Persatuan Artis Veteran Malaysia bertindak untuk mewujudkan kadar bayaran standard kepada seniman veteran. Rashid Sibir berkata dalam sebuah laporan BH

Online, "pelakon tidak boleh meminta lebih daripada kadar standard yang ditetapkan. Contohnya, untuk telefilem, bagi watak utama kadar yang ditetapkan adalah kira-kira RM10,000." (Serimah Mohd Sallehuddin, 2021). Persatuan ini juga memperjuangkan seniman veteran untuk kembali menjadi teraju utama dalam filem serta drama di Malaysia.

Di samping Persatuan Artis Veteran Malaysia, Persatuan Seniman Malaysia juga menjadi tumpuan dalam menjaga kebajikan seniman di Malaysia terutamanya bagi penggiat seni yang tergolong dalam kategori veteran. Menurut Menteri Penerangan Datuk Seri Abdul Kadir Sheikh Fadzil, "RTM akan memberi keutamaan kepada penyanyi dan pelakon yang menjadi ahli Persatuan Seniman Malaysia untuk penerbitan program-programnya" (Utusan Malaysia, 2005). Keratan akhbar Utusan Malaysia tersebut dapat dilihat bahawa para seniman di Malaysia yang menjadi ahli Persatuan Seniman Malaysia berpeluang untuk menikmati pelbagai kelebihan sama ada kepada penyanyi, pelakon mahupun seniman-seniman yang menceburi pelbagai bidang dalam industri hiburan. Tambah Datuk Seri Abdul Kadir Sheikh Fadzil, Menteri Penerangan beliau menyeru semua golongan seniman untuk menjadi ahli seniman berdasarkan ucapan beliau pada sidang akhbar, beliau menyatakan "saya merayu kepada semua golongan seniman sama ada penyanyi, pelakon, penulis skrip atau sesiapa lagi yang berkaitan dengan industri hiburan agar menjadi ahli seniman kerana saya yakin kebajikan mereka akan terjaga dibawah persatuan itu" (Utusan Malaysia, 2005).

Seterusnya, seperti yang diketahui umum terdapat pelbagai maklumat yang mudah diperoleh di rangkaian internet. Pada masa kini, kebanyakan individu mencari maklumat dari sumber internet. Namun, kesahihan maklumat yang diperoleh melalui sumber internet ini tidak dijamin dan tidak dapat dipastikan kesahihan maklumat tersebut. Sebagai pengguna Internet, kita seharusnya bijak menilai kesahihan maklumat yang dicari. Menurut Berita Harian Online, "Masyarakat sebagai sasaran media sosial seharusnya memiliki daya dan kemampuan menganalisis supaya dapat menilai sejauh mana benarnya sesuatu

berita atau sejauh mana sah atau batilnya apa yang disogokkan kepada mereka.” (Shafeza Abdul Wahab, 2017). Hal ini boleh dikaitkan dengan pencarian maklumat tentang seseorang individu seperti mencari maklumat tentang seniman veteran di Malaysia bagi mengetahui latar belakang seniman veteran tersebut. Tidak dapat dinafikan bahawa, berkemungkinan maklumat-maklumat yang terdapat di sumber internet ini tidak beberapa tepat di samping maklumat yang dinyatakan juga mungkin tidak lengkap.

Sehubungan dengan itu, isu maklumat tidak sah ini semakin membimbangkan masyarakat secara amnya, negara khususnya dek kerana penyebaran yang semakin berleluasa dari semasa ke semasa terutamanya di platform-platform media sosial sebagai contoh, Whatsapp, Telegram, Facebook dan sebagainya. Berita Harian Online menyatakan, akta undang-undang yang dikuatkuasakan oleh kerajaan seperti di bawah seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Seksyen 505 Kanun Keseksaan, adalah satu tindakan hukuman bagi pesalah laku yang menyebarkan maklumat tidak sah atau palsu (Fahmey, 2020). Hal ini dikatakan demikian kerana dengan adanya penguatkuasaan akta-akta ini dapat meminimumkan serta mencegah penyebaran maklumat palsu dan tidak sah dimana perkara seperti ini bukan sahaja dapat menggugat ketenteraman masyarakat malah keselamatan negara. Begitu juga terhadap artis-artis di Malaysia sekiranya informasi yang tidak sah atau dalam kata lain, kontroversi disebarikan maka imej serta reputasi mereka juga akan terjejas. Ketua Pegawai Eksekutif KRU Studios, Datuk Norman Abdul Halim dalam suatu temubual bersama Berita Harian ada juga menyatakan bahawa sudah semestinya tidak dapat kita nafikan bahawa ada kalanya maklumat seperti itu juga dapat melonjakkan nama artis pada masa yang sama ia juga berupaya untuk meningkatkan kerjaya namun ianya bukanlah suatu perkara yang perlu terus dinormalisasikan (Veena, 2018).

Tokoh yang telah dipersetujui bagi penyelidikan ini ialah Puan Fatimah Abu Bakar yang merupakan seorang seniman veteran Malaysia yang memiliki variasi bakat yang bereputasi cemerlang. Beliau adalah anak jati Pulau Pinang yang

merupakan negeri lahirnya seniman-seniman yang termasyhur serta berprestij seperti Tan Sri P. Ramlee, David Arumugam dan sebagainya. Beliau merupakan alumni Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan memegang Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dan Pengajian Media. Selain kerjaya dalam bidang industri seni dan kreatif, beliau juga pernah menceburi bidang kewartawanan dan penulisan. Beliau mulai aktif dalam industri seni dari tahun 1984 sehingga kini. Di samping itu, beliau mempunyai minat yang mendalam dalam bidang teater dan minat ini telah menjadikan beliau aktif dalam pementasan di Kelab Teater Kuala Lumpur. Disinilah bermulanya perasaan minat untuk menceburi bidang lakonan terutamanya dengan sokongan yang diberikan oleh “role model” beliau iaitu Datin Paduka Suhaimi dan Allahyarham Mustaffa Noor.

## **9.0 METODOLOGI**

### **9.1 PENDEKATAN KAJIAN**

Menurut Pusat Kajian Sejarah Lisan Universiti Kebangsaan Malaysia, “Sejarah lisan adalah satu kaedah di mana kenang-kenangan seseorang tokoh yang dirakamkan secara wawancara. Tokoh-tokoh yang dipilih biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbang maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, atau oleh kerana perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Maklumat yang diperolehi dari wawancara tersebut kemudiannya disalin dan salinan itu selepas disemak dan ditaip dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan” (Sejarah Lisan, 2022).

Kaedah kajian yang akan digunakan dalam melaksanakan penyelidikan ini ialah dengan menggunakan kaedah temu bual bersama tokoh yang telah dipersetujui. Temu bual ini akan dijalankan secara bersemuka dengan seniman veteran yang telah dipilih untuk menjalankan temu bual tersebut. Hasil daripada temu bual seperti pita rakaman dan tanskrip temu bual akan diletakan di makmal ataupun arkib universiti para pelajar tersebut.

## 9.2 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

Bagi bahagian prosedur pengumpulan data, pengkaji telah menggunakan enjin carian Google untuk mendapatkan maklumat berkaitan seniman veteran yang telah dipilih seperti latar belakang dan media sosial serta maklumat hubungan. Seterusnya, pengkaji telah menghubungi seniman veteran bagi mendapatkan persetujuan untuk menjalankan sesi temu bual bersama beliau.

Prosedur seterusnya adalah sesi temu bual akan dijalankan di platform dan masa yang akan dipersetujui kemudian. Platform yang bakal digunakan bagi menjalankan sesi temubual bersama seniman veteran yang dipilih adalah kaedah temu bual bersemuka dan kaedah temu bual secara atas talian. Dua kaedah ini dilihat bersesuaian bagi menjalankan kajian ini. Tujuan dua kaedah dipilih adalah sebagai pelan sandaran jika salah satu kaedah temu bual ini tidak dapat dijalankan. Hal ini dikatakan demikian kerana, disebabkan oleh situasi pandemik yang dialami dalam negara kaedah temu bual yang dinyatakan ini berkemungkinan akan berubah dari masa ke semasa.

## 10.0 HASIL KAJIAN

### Pelakon Wanita Alaf Baru dari Perspektif Fatimah Abu Bakar

#### 10.1 Pendahuluan

Sejujurnya, semua individu suka akan hiburan tidak kira jenisnya, genrenya atau bahasanya dan seni ini mempunyai takrifannya tersendiri yang berbeza bergantung kepada pandangan setiap individu. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat, mendefinisikan seni sebagai karya seperti sajak, lukisan, muzik dan sebagainya yang diciptakan dengan bakat hasil daripada sesuatu ciptaan. Seni ini bervariasi iaitu sama ada seni lukis, seni arca, pembuatan percetakan, fotografi serta media visual yang lain. Seni dapat ditakrifkan sebagai cara bagi menyampaikan suatu rasa, idea, pendapat, kepercayaan mahupun perasaan. Apabila berbicara tentang seni, sudah tentu tidak dapat kita memisahkannya dengan seni lakon. Seni lakon ini juga mempunyai pelbagai jenis yang tidak asing lagi pada masyarakat iaitu filem, teater, drama dan sebagainya. Mereka yang terlibat di dalam industri seni terutamanya seni lakon in digelar sebagai pelakon. Pelakon dapat ditakrifkan sebagai individu yang berlakon di dalam drama, sandiwara, filem dan sebagainya (*Carian Umum*, 2017). Seni lakonan ini juga adalah sesuatu penyampaian yang dapat menimbulkan rasa tersentuh, terharu terhadap penonton dan ia perlu kejujuran dalam menghasilkan seni. Setiap penyampaian di dalam seni lakonan tidak semestinya perlu ada mesej tetapi ia juga bukanlah hanya satu hiburan kosong semata-mata. Keadaan industri seni di Malaysia kini sebenarnya sesuatu yang amat membimbangkan lebih-lebih lagi selepas tercetusnya pandemik COVID-19 hampir di seluruh negara yang telah melumpuhkan industri seni dek kerana Standard Operating Procedure(SOP) yang dikeluarkan oleh kerajaan.

## 10.2 Latar belakang seni filem Malaysia

Filem merupakan antara bidang hiburan yang paling popular di dunia. Perfileman telah berkembang secara pesat dalam jangka masa yang pendek. Sebelum itu bidang hiburan dikongkong oleh seni pentas ataupun dikenali sebagai teater (Ashok Millat, 1995, p.19). Selepas kewujudan seni filem, industri ini telah menjadi sebuah bidang kesenian yang paling berpengaruh dalam kalangan masyarakat di dunia (Sehgal, 2008, p.143). Industri perfileman di Malaysia menyimpan seribu satu cerita. Titik permulaan industri perfileman adalah dari apabila Tanah Melayu ketika itu sedang dijajah oleh British. Filem pertama kali yang diperkenalkan kepada umum di Tanah Melayu ialah pada tahun 1898. Pada masa itu, penjajah Inggeris telah menayangkan sebuah filem dokumentari-berita yang dikenali sebagai *newsreel* dalam Bahasa Inggeris. Dokumentari-berita ini berjudul “*Diamond Anniversary Celebration of Queen Victoria*”. Sementara pawagam pertama dibina di Singapura yang ketika itu dikenali sebagai Alhambra pada tahun 1907 oleh seorang berbangsa Inggeris, bernama Willis. Filem Melayu pertama yang ditayangkan bermula pada tahun 1933 iaitu *Laila Majnun*, berdasarkan cerita klasik Parsi dua pencinta malang.



*Majnun* dalam perkataan Arab adalah gila. Filem ini diarahkan oleh B.S. Rajhans dan dikeluarkan oleh Singapura Chemical Company Motilal yang berpangkalan di Bombay. *Laila Majnun*, kisah cinta yang tragis telah menjadi permulaan industri perfileman di Malaysia dan telah menjadikan industri ini berusia 89 tahun.

Shaw Brother juga antara individu-individu yang telah mengusahakan industri lakonan di Tanah Melayu ketika itu. Mereka telah meminjam peralatan-peralatan daripada Shanghai dan telah menerbitkan beberapa filem sebelum pencerobohan Jepun di Tanah Melayu. Industri perfileman ini telah berjaya mewujudkan beberapa syarikat penerbitan yang terkemuka seperti Malay Film Production, Nusantara Film dan Merdeka Studio di ibu negara (Ibrahim, 2021). Pada tahun 1948, nama P. Ramlee atau nama sebenar beliau Teuku Zakaria Teuku Nyak Puteh telah naik dek bakat beliau dalam menyanyi, mengarah dan berlakon. Beliau yang dikenali sebagai bintang yang serba boleh telah mengeluarkan filem pertama beliau yang bertajuk Chinta. Filem ini banyak memamerkan aksi menari dan menyanyi yang juga telah menjadi satu trend dalam filem-filem di India sehinggalah sekarang.

Di Malaysia, industri filem itu amat bergantung kepada sokongan daripada FINAS yang ditubuhkan pada tahun 1981. Industri filem Malaysia telah semakin berkurangan dalam tahun 1960 dan 1970-an, maka FINAS adalah satu usaha kerajaan untuk membantu dan menyokong industry perfileman (PERFILEMANMALAYSIA, 2013). Pada tahun 1969, Filem Negara Malaysia telah memberi nafas baru kepada industri perfileman setelah mengumumkan bahawa filem akan mulai diterbitkan dalam warna warni dan bukannya hitam putih.

### **10.3 Peranan Pelakon**

Peranan pelakon di Malaysia boleh dilihat dari segi membantu membangun minda masyarakat menjadi lebih matang dan berdaya saing atau membangkitkan semula semangat patriotik di kalangan rakyat Malaysia. Hal ini boleh dilakukan melalui peranan pelakon dalam filem-filem yang mereka bintang. Pelakon yang membintangi sesuatu filem hendaklah menjiwai watak tersebut agar dapat memastikan kejayaan sebuah filem itu tercapai.

“Anda tidak mungkin menjadi karakter itu sepenuhnya, tetapi anda harus memastikannya hampir menyerupai dan ketika itu anda merasakan anda adalah dia, pastikan anda jangan hilang detik itu.” (Koji Yakusho, 2018)



Filem yang telah dikeluarkan pensyarah dan pelakon terkemuka, Syamsul Yusof yang berjudul “Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan”, telah membangkitkan semula semangat kekitaan dan patriotik dalam kalangan masyarakat. Filem ini juga telah mengetengahkan warisan seni pertahankan diri Melayu iaitu Pencak Silat. Filem seperti ini bukan sahaja memaparkan seni-seni warisan sehingga mempopularkan kembali seni tersebut malah memberi serba sedikit sejarah terbentuknya Malaysia kepada generasi muda pada masa kini.

Menurut Fatimah Abu Bakar, pelakon, wartawan dan pelatih pelakon, berpendapat bahawa seorang pelakon perlu memastikan wataknya itu hidup. Hal ini kerana apabila seorang pelakon menjiwai wataknya tersebut, ia mampu memberi impak yang besar kepada penonton.

“Kalau dia boleh buat saya lupa bahawa dia itu seorang pelakon pada saya itulah pelakon, bila dia tidak berlakon.”(Fatimah Abu Bakar, 2022)

Selain itu, pelakon juga mampu mengubah perspektif masyarakat terhadap sesuatu isu. Sebagai contoh, isu hak wanita. Menurut Fatimah Abu Bakar, pelakon wanita perlu menolah filem-filem yang mempunyai babak yang merendahkan martabat seorang wanita.

*“One of the ways to do is kalau banyak sangat peranan sebagai mangsa, tolak”, “I faham tapi kalau boleh dalam lima kalau boleh tolak tiga Alright, jangan ambil lima-lima. To stop perpetuating that the fact that kita ni mangsa and then mangsa kita boleh macam kita ni mangsa lepastu kita kawin pula dengan orang yang rogol kita. Kita kawin pula, senang-senang kita memaafkan orang yang mendera kita.”* tambahnya pula ketika ditemubual oleh para pelajar Universiti Teknologi Mara pada 24 Jun, 2022 bertempat di kediamannya di Petaling Jaya, Selangor.

#### 10.4 Aspek yang Diperlukan dalam Diri Pelakon

Untuk menjadi pelakon, bukanlah sesuatu perkara yang mudah. Mungkin bagi sesetengah pihak, pandangan mereka untuk menjadi pelakon itu tampak mudah atau “*simple*”. Namun hakikatnya, banyak aspek yang perlu dipertimbangkan sebelum menjadi pelakon atau apabila menceburkan diri dalam bidang lakonan. Perkara utama yang diperlukan dalam diri seseorang pelakon ialah bakat dan ilmu dalam bidang lakonan. Kerjaya seorang pelakon ini amat mementingkan dan memerlukan bakat yang turut disokong atau disandarkan dengan ilmu.

Bakat dan ilmu dalam bidang lakonan ini saling melengkapi satu sama lain, dan jika dipisahkan tahap keberkesanan lakonan itu mungkin tidaklah tinggi dan sempurna. Dalam pada itu, seperti bidang-bidang lain yang terdapat di luar sana, bidang lakonan juga memerlukan ilmu khususnya dalam pembawaan sesuatu watak, dari segi penghayatan watak tersebut, cara watak itu disampaikan dan sebagainya. Perkara-perkara seperti ini yang memerlukan ilmu yang penuh di dada bagi memastikan keberkesanan lakonan yang dibawa oleh pelakon tersebut. Dengan memiliki ilmu lakonan seperti yang dinyatakan, ia secara tidak langsung dapat mengasah bakat pelakon tersebut. Terdapat pelbagai cara yang boleh diusahakan dalam meningkatkan dan mengasah bakat lakonan.

Antara usaha yang boleh dilakukan bagi mengasah bakat lakonan ialah dengan melibatkan diri atau menyertai bengkel-bengkel lakonan. Dengan menyertai bengkel-bengkel lakonan ini, ia banyak menyumbang dalam meningkatkan bakat dalam lakonan di samping menyampai ilmu-ilmu yang perlu diketahui sebagai seorang pelakon. Akan tetapi, dalam pencarian ilmu lakonan ini ianya tidaklah hanya terhad kepada pembelajaran di institusi-institusi pendidikan yang mengetengahkan tentang bidang lakonan sahaja. Menurut puan Fatimah Abu Bakar yang mengulas tentang perkara yang pelakon perlu lakukan untuk menjadi pelakon yang berjaya, beliau menegaskan para pelakon untuk pergi belajar dan menyertai bengkel-bengkel lakonan yang diadakan. Tambah beliau, “banyak cara untuk kita belajar, *watch a lot of telemovies* pergi menonton pergi teater pergi tengok macam mana, kenapa pelakon ini dia lebih

efektif” ujar Fatimah Abu Bakar dalam sesi temubual bersama pelajar-pelajar UiTM. Berdasarkan dari ulasan ini, pencarian ilmu lakonan ini amatlah luas dan dengan usaha yang para pelakon lakukan untuk belajar dan menimba lebih banyak ilmu lakonan, hal ini akan menghasilkan impak yang positif terhadap cara lakonan pelakon tersebut.

## **10.5 Pelakon Lelaki dan Wanita**

Tidak dinafikan, dalam era serba moden pada masa kini terdapat masih lagi jurang perbezaan antara seorang lelaki dan seorang wanita. Jika perbezaan ini tidak ketara, hal ini boleh diatasi lagi dengan memberi perhatian kepada aspek yang perlu diperbetulkan bagi menutup perbezaan itu. Namun, perbezaan ini dilihat amat ketara kerana wanita dapat merasakan ketidakadilan dan kesamarataan yang diberikan kepada wanita dalam beberapa perkara.

Salah satu perkara yang menunjukkan perbezaan antara individu lelaki dan wanita adalah dari segi pekerjaan. Tidak dinafikan bahawa, ada sesetengah pekerjaan di luar sana yang tidak membenarkan wanita mengambil alih pekerjaan tersebut. Persoalannya di sini, apakah faktor utama yang menyebabkan wanita tidak layak untuk menyandang atau mengambil alih sesuatu tugas itu? Jika ingin diulas dengan lebih lanjut tentang isu ini, ia memerlukan pandangan daripada pelbagai pihak. Perbezaan antara individu lelaki dan wanita ini juga boleh dikaitkan dalam industri seni di Malaysia. Dalam bidang lakonan, kita boleh lihat dari segi pemberian watak kepada pelakon lelaki dan wanita. Boleh dikatakan, kebanyakannya pelakon wanita sering menerima watak yang memberi gambaran kepada penonton tentang kelemahan wanita. Jarang sekali untuk kita melihat sebuah filem atau drama yang mencerminkan tentang prinsip pemerksaan wanita.

Hal ini menunjukkan pemberian watak kepada pelakon lelaki dan wanita amat berbeza. Watak lelaki yang kuat dan berpengaruh sering kita lihat di kaca televisyen. Situasi seperti ini mungkin menjadi persoalan bagi sesetengah wanita, mereka akan mempersoalkan “mengapa watak seperti itu tidak dipegang oleh pelakon wanita?”. Persoalan seperti ini sering menjadi tanda tanya dalam kalangan wanita. Tidak salah untuk wanita mempersoalkan perkara ini kerana watak lelaki seperti ini sering kita lihat.

“kita ada *women*, wanita-wanita yang ada banyak *achievement*. Kenapa tidak kita *promote this. This kind of story, so* bagi dia *balance* la. So, nampak sangat that *you know, we are all achievers*. Jadi bukan hanya bila kita jadi mangsa kita in *the news*” (Fatimah Abu Bakar, 2022).

Oleh yang demikian, sudah tiba masanya untuk kita membuka ruang kepada pelakon-pelakon wanita untuk memegang watak yang memperlihatkan pencapaian wanita bagi memberi gambaran kepada penonton bahawa wanita juga boleh mencapai sesuatu yang diinginkan. Perkara ini secara tidak langsung mewujudkan keadilan kepada kedua-dua pihak. Pelakon lelaki dan pelakon wanita boleh melakonkan watak yang mencerminkan kekuatan dan pencapaian bagi individu lelaki dan wanita.

## 10.6 Dilema Seni Filem Malaysia

Seni filem Malaysia telah bermula dari tahun 1933. Permulaan seni perfileman ini dirancakkan lagi dengan kehadiran Shaw Brothers yang juga merupakan sebuah syarikat produksi yang pertama di Malaysia. Namun begitu, wujudnya dilema yang sering dihadapi oleh penggiat-penggiat seni di negara kita. Dilema yang sering dirasakan dalam seni perfileman Malaysia yang boleh kita bincangkan sehingga kini adalah berkenaan isu pemberian watak yang menggambarkan sifat kekuatan wanita.

Kebanyakan filem-filem di Malaysia kurang menerapkan prinsip “Women Empowerment” di dalam filem tersebut. Prinsip “Women Empowerment” ini bukan sahaja mengambil tempat di Malaysia, malah prinsip ini juga diketengahkan di seluruh dunia. Pengarah dan penulis skrip wanita Malaysia boleh gunakan peluang ini bagi menghasilkan sebuah karya yang memfokuskan tentang prinsip “Women Empowerment” ini. Karya seperti ini mampu menarik penonton dari luar negara. Walaupun ia merupakan satu risiko jika karya yang dihasilkan tidak mendapat sambutan dari dalam mahupun di luar negara, namun pengarah dan penulis skrip wanita Malaysia ini perlu mengambil perlu berani mengambil risiko tersebut.

“Berani ambil risiko. Kita tak akan tahu kemampuan seseorang sehingga berjaya menyelesaikan menghadapi risiko. Ya, risiko ada yang probably baik dan sebaliknya, but

then selalunya wanita ni lebih peka, analisa dahulu sebelum bersedia menghadapinya” (Pensyarah UiTM, 2022).

Tambahan pula, wanita juga perlu tahu bila risiko itu perlu diambil dan apakah kesan yang bakal diterima. Adakah risiko yang diambil itu akan memberi kesan yang positif atau negatif? Soalan seperti ini yang perlu diambil kira sebelum membuat sebarang keputusan untuk mengambil risiko dalam apa jua perkara. Tiada keputusan yang betul atau salah, cuma kesan dari keputusan tersebut yang akan berbeza. Oleh yang demikian, boleh dikatakan setiap risiko yang diambil boleh menyumbang kepada kejayaan sesuatu perkara itu. Jika tiada sebarang risiko yang diambil, ia seperti menjadi penghalang bagi sesuatu kejayaan kerana tanpa sebarang risiko ia membiasakan individu tersebut untuk selalu berada dalam zon yang selesa.

#### **11.0 NASIHAT DAN HARAPAN**

Puan Fatimah Abu Bakar mengemukakan hasratnya dalam industri seni. Beliau menyatakan bahawa agar kerjasama dalam industri seni ini diperkukuhkan lagi. Kerjasama daripada peringkat atasan sehinggalah yang terakhir sekali. Kerjasama daripada kerajaan, produksi, stesen televisyen, krew, pelakon dan juga masyarakat sekeliling. Beliau juga menyatakan bahawa sikap saling hormat-menghormati juga penting dalam memastikan kejayaan industri tersebut. Pelakon dalam industri seni juga tidak seharusnya wujud perasaan dengki sesama diri sendiri. Puan Fatimah menyatakan

“industry kita kecil la, tak payah nak lawan-lawan, tak payah nak dengki-dengki, tak payah nak jealous-jealous. Ini macam, oh engkau dapat lead role aku tak dapat okay and I will go and said lain kali jangan ambil dia la. The kind of nonsense”(Fatimah Abu Bakar. 2022)

Pelakon juga dinasihati untuk lebih mendalami watak mereka dengan membuat penyelidikan tentang watak yang akan dipegang oleh mereka. Industri seni juga mempunyai parasit dimana sesetengah pihak yang masuk dengan harapan ingin menjadi terkenal pada masa yang singkat. Hal ini kerana apabila seseorang itu telah menjadi terkenal, ia memudahkan mereka untuk mempromosikan apa-apa produk yang mereka

usahakan. Hal ini sedikit sebanyak menjadikan industri seni sebagai tempat persinggahan dan tidak menghormati industri itu sendiri. Fatimah Abu Bakar juga menyatakan bahawa industri seni sudah parah dan orang-orang yang bertindak seperti parasit ini tidak sepatutnya mempergunakan industri ini sebagai tempat untuk menjadi terkenal semata-mata. Hal ini juga telah menyebabkan bakat-bakat yang sepatutnya berada di industri seni tidak mendapat peluang yang sepatutnya. Puan Fatimah Abu Bakar juga menekankan bahawa kita sepatutnya meraikan bakat-bakat baru dalam industri seni agar kita mendapat variasi dalam industri tersebut. Keunikan dalam industri seni haruslah diketengahkan kerana Malaysia sangat terkenal dengan penduduknya yang berbilang kaum. Namun begitu, kita haruslah mempunyai niat yang betul ketika ingin menceburi bidang lakonan tersebut dan bukanlah semata-mata ingin mendapatkan kemewahan dan dikenali ramai sahaja. Industri seni merupakan industri yang mampu memartabatkan nama Malaysia di mata dunia dan industri ini memerlukan bantuan daripada semua pihak agar kejayaannya filemnya bukan sekadar di dalam Malaysia malah disambut dengan baik di negara luar.

## **12.0 KESIMPULAN**

Kesimpulannya, industri seni merupakan industri yang banyak menyumbang kepada negara. Industri seni telah banyak menerapkan nilai-nilai masyarakat yang sepatutnya ada dalam diri kalangan rakyat Malaysia. Namun begitu, industri seni masih memerlukan sokongan dan kerjasama daripada ramai pihak agar ia kekal utuh dan semakin maju di mata dunia. Di negara-negara maju seperti United Kingdom dan Amerika Syarikat, industri seni juga merupakan satu industri yang banyak memberi sumbangan kepada negara terutamanya dari segi ekonomi. Penelitian ke atas perkembangan ekonomi global semasa menunjukkan industri seni merupakan salah satu sumber penting pertumbuhan ekonomi dan budaya khususnya di negara-negara maju. Sebagai contoh, industri ini telah menyumbang sebanyak USD\$3 trilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Amerika Syarikat (KPKK, 2008) dan sebanyak £112.5 billion kepada ekonomi United Kingdom (DCMS Creative Industries Mapping Document, 2001). Selain itu, industri seni juga telah mewujudkan banyak peluang pekerjaan kepada negara. Justeru, ia telah membantu mengurangkan peratusan

pengangguran di negara kita di samping merapatkan jurang kemiskinan di negara ini. Industri kreatif juga telah mewujudkan peluang pekerjaan yang luas, berdasarkan statistik guna tenaga di negara-negara maju seperti United Kingdom 4.5%, Hong Kong 5.3%, Amerika Syarikat 5.9%, Taiwan 3.6%, Australia 3.8% dan Singapura 3.4% (Baseline Study on Hong Kong Creative Industries, 2003). Industri seni hendaklah dimajukan dan disokong oleh pihak yang sepatutnya agar filem negara kita mendapat perhatian daripada negara luar. Filem-filem tempatan juga mampu mempromosikan keunikan di Malaysia seterusnya akan memajukan industri pelancongan kita. Bajet serta peralatan yang secukupnya hendaklah diberikan kepada produksi-produksi filem tempatan agar kemajuan di masa hadapan dapat dicapai.

### 13.0 RUJUKAN

PeoplePostInsider. (2020, November 25). *INDUSTRI KREATIF NEGARA: PERANAN DAN USAHA PEMERKASAAN*. PeoplePostInsider; PeoplePostInsider. <https://peoplepostinsider.com/2020/11/25/industri-kreatif-negara-peranan-dan-usaha-pemeriksaan/>

MANSOR PUTEH. (2022, July 24). *Di mana hebatnya filem Mat Kilau*. Sinarharian; sinarharian. <https://www.sinarharian.com.my/article/212784/KHAS/Pendapat/Di-mana-hebatnya-filem-Mat-Kilau>

Ibrahim, A. (2021, March 15). *ULASAN | Kaji semula Dasar Filem Negara untuk pacu industri*. Malaysiakini; Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/hiburan/566604>

*PERFILEMANMALAYSIA*. (2013). *PERFILEMANMALAYSIA*. <https://perfilemanmalaysia.webs.com/perfileman-di-malaysia>

gp. (2018, October 18). *Menyoroti cabaran tugas seorang pelakon» Media Perma Online*. Menyoroti Cabaran Tugas Seorang Pelakon. <https://mediapermata.com.bn/menyoroti-cabaran-tugas-seorang-pelakon/>